

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

TARIKH : **21 MAC 2022 (ISNIN)**

SOALAN

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini pelaksanaan Pelan Literasi Komprehensif Pendidikan Seksual dan Reproduktif serta kajian impak keberkesanannya dalam masyarakat khususnya bagi menangani kehamilan luar nikah dan pembuangan bayi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memandang serius isu kepincangan seksual dalam kalangan masyarakat terutama dalam golongan kanak-kanak dan wanita. Secara formalnya, Pelan Literasi Komprehensif Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial adalah tidak pernah diwujudkan secara khusus, namun, soalan yang diutarakan YB Senator merujuk kepada Komponen Advokasi di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) telah dibangunkan dan dilaksanakan sejak tahun 2009.

Beberapa kajian penilaian impak berkaitan keberkesanan Pelan Tindakan PEKERTI ini boleh diukur melalui kajian berikut:

- 1) Melalui Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Reproduktif dan Seksual Remaja di Semenanjung Malaysia 2011 melibatkan remaja berumur 13 hingga 24 tahun mendapati pengetahuan mengenai Kesihatan Seksual dan Reproduktif (KSR) membantu menangani isu kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja.
- 2) Kajian oleh Unit Perunding Universiti Malaya (UPUM) pada tahun 2017 bagi penilaian program PEKERTI dari tahun 2013 hingga 2016 menunjukkan sebanyak majoriti (64 peratus) peserta remaja melaporkan Program PEKERTI sangat memberi manfaat dan sekali gus terdapat peningkatan dalam pengetahuan mereka mengenai pendidikan kesihatan reproduktif.
- 3) Kajian Intervensi Bagi Remaja: Amalan Terbaik Bagi Program Intervensi Remaja di Malaysia pada tahun 2017 telah dijalankan dan mendapati modul kesihatan reproduktif di Malaysia adalah memenuhi keperluan dan kemahiran kesihatan reproduktif dan seksual.

Justeru, satu model Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) yang lengkap dan komprehensif berdasarkan perbandingan semua modul PKRS di Malaysia dan luar negara telah dihasilkan dengan nama Model

SOALAN NO. : 02

ACE (Tepat, Komprehensif, Berkesan - *Accurate, Comprehensive, Effective*) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menerbitkan modul ini pada tahun 2022.

Golongan lelaki juga tidak terkecuali dalam pembangunan kemahiran kesihatan reproduktif di mana satu Modul khusus iaitu Modul Cakna Diri Lelaki dibangunkan.

Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil pendekatan konsultatif termasuk mengadakan bengkel bersama pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi kerajaan, ahli akademik, pakar dalam bidang kesihatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sepanjang tahun 2021 untuk meningkatkan kerjasama program intervensi bersama semua kementerian, jabatan dan agensi.

Data kehamilan remaja bawah umur 18 tahun antara tahun 2019 hingga 2021 yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan terdapat tren penurunan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN NO.10

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian telah mendapatkan pandangan komuniti OKU atau Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) sebelum melaksanakan JKMPay serta apakah faedah yang akan diterima melalui pelaksanaan ini memandangkan ia memberi kesulitan kepada OKU.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN
BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN**

TARIKH : 23 MAC 2022 (RABU)

SOALAN NO. 63

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengkaji aplikasi JKMPay khusus buat warga OKU kerana terdapat aduan yang mana aplikasi tersebut tidak dapat digunakan secara menyeluruh dan ada sesetengah tempat tidak dapat menggunakan perkhidmatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin memohon izin untuk menjawab pertanyaan **YB Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** bersama dengan pertanyaan **YB Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** pada **23 Mac 2022** berikutan pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama dan saling berkait.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu **projek Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai atau dikenali sebagai JKMPay**.

Projek ini berstatus **PROJEK RINTIS** dilaksanakan ke atas **penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada**.

Skim bantuan kewangan yang terlibat bukan hanya kepada OKU, tetapi juga kepada semua skim bantuan bulanan Persekutuan yang lain iaitu :

Bantuan Kanak - Kanak;
Bantuan Warga Emas;
Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya;
Bantuan Penjagaan OKU / Pesakit Kronik Terlantar;
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja; dan
Bantuan Anak Pelihara.

Di lokasi projek rintis, **taklimat penggunaan kad dan aplikasi** juga telah diberikan kepada penerima bantuan baharu peserta dari kalangan OKU, warga emas, keluarga miskin agar mereka memahami konsep tanpa tunai dan membimbing mereka dalam penggunaan JKMPay. Malahan **penerima bantuan baharu yang diluluskan juga akan diuruskan**

pembukaan akaun bank tanpa perlu hadir ke mana-mana cawangan bank.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, projek ini dilaksanakan dengan tujuan berikut :

- i) **Membantu penerima bantuan untuk mengurus dan mengawal perbelanjaan** wang bantuan secara berhemah dan bermanfaat;
- ii) **Memperluaskan mekanisme kaedah pembayaran** bantuan kewangan JKM melalui kaedah bayaran ke bank dan juga kaedah tanpa tunai;
- iii) **Memastikan penerima bantuan dapat memenuhi keperluan asas harian** khususnya melibatkan keperluan makan, minum, ubat-ubatan asas dan keperluan harian rumah;
- iv) **Memperkukuhkan kolaborasi di antara Kerajaan dan pihak swasta** dalam meningkatkan perkhidmatan agensi di bawah kementerian;
- v) Menyokong ke arah **mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia 2021**, kerajaan tidak mahu apabila ia dilaksanakan kelak, maka golongan rentan ini terutama penerima bantuan JKM ini tertinggal.

Di samping itu, projek ini juga sejajar dengan hala tuju baharu bantuan sosial di bawah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang memfokuskan agar semua bantuan di masa hadapan hendaklah **bersyarat, mempunyai Dasar Pemisah yang jelas dan kesegeraan dalam pengagihan/pemprosesan bantuan.**

JKMPay telah dilaksanakan secara **RINTIS** mulai bulan Februari 2021. Setiap lokasi projek rintis dilaksanakan, Kementerian **telah melakukan kunjung hormat dan libat urus bersama Kerajaan Negeri** bagi menjelaskan mengenai projek rintis ini.

Para peserta juga telah diberikan taklimat bagi penggunaan kad dan aplikasi agar mereka memahami konsep tanpa tunai dan bagi membimbing mereka dalam penggunaan JKMPay. Kalau kita lihat sekarang, sudah banyak kedai-kedai yang menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai. **Sehingga Februari 2022 sebanyak 4,752 peserta dari enam (6) negeri dan 23 daerah** telah pun terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, projek rintis ini hanya dilaksanakan kepada **PENERIMA BAHARU** bantuan bulanan JKM sahaja manakala lebih kurang 520 ribu **penerima bantuan bulanan sedia ada masih kekal menerima bantuan bulanan melalui bayaran ke akaun bank.**

Penerima baharu juga kekal menerima kesemua jumlah keseluruhan bantuan yang diluluskan secara 100%. Baki atau lebihan duit yang ada dalam akaun JKMPay juga **tidak akan luput**, malahan ia akan dibawa ke bulan berikutnya. Bagi peserta program yang mahir menggunakan aplikasi telefon di **jkmpay.my (ME12PAY)**, pelbagai menu aplikasi secara dalam talian boleh digunakan seperti memantau perbelanjaan harian, membuat semakan baki dan lain-lain. JKMPay tidak bertujuan untuk **menyekat mana-mana hak kebebasan** OKU untuk berbelanja.

Antara manfaat kepada kedai-kedai yang menyertai program ini adalah:

- 1) **Meningkatkan kesedaran peruncit untuk menyediakan premis yang mesra OKU**, di mana peruncit-peruncit ini akan lebih peka dengan keperluan golongan OKU;
- 2) Meningkatkan usaha pendigitalan di kalangan peruncit;

SOALAN NO. : 10, 63

- 3) Kaedah perbelanjaan tanpa tunai lebih selamat berbanding perbelanjaan secara tunai dan sesuai dengan situasi semasa;
- 4) Lokasi kedai yang berdekatan dengan penerima bantuan memberi pasaran baru kepada peruncit kerana ia mengikut permohonan penerima bantuan; dan
- 5) Program ini fleksibel dan boleh diubah dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan Jabatan dan penerima bantuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' NELSON A/L
RENGANATHAN**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah insentif dan skim yang disediakan bagi menggalakkan pengusaha pusat asuhan kanak-kanak menambah baik kaedah pengajaran serta meningkatkan lagi pembelajaran kognitif dan holistik pelajar khususnya pasca pandemik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1984 adalah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak bagi maksud yang berkaitan dengannya di empat (4) kategori TASKA iaitu TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja, TASKA Komuniti dan TASKA di Rumah untuk memastikan perkhidmatan yang diberi sesuai dengan perkembangan kanak-kanak.

Seksyen 2 Akta 308 memberi maksud **TASKA** adalah "**Premis yang menerima masuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun lebih dari satu isi rumah untuk dijaga dengan upah**".

Konsep penubuhan TASKA adalah **lebih fokus kepada aspek jagaan dan asuhan kepada kanak-kanak manakala aspek pendidikan secara formal** yang disediakan oleh di **TADIKA dan Pra Sekolah di bawah kawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]**.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam konteks penjagaan dan pengasuhan kanak – kanak, Kerajaan melalui KPWKM sangat prihatin akan beban yang ditanggung oleh rakyat. Justeru bagi meringankan beban ibu bapa dari segi kewangan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar, kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- i. Mulai tahun 2013, **Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak TASKA sebanyak RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak yang hadir ke TASKA berdaftar dengan JKM** bagi keluarga yang layak mengikut pendapatan isi rumah RM800.00 per kapita untuk di bandar dan RM500.00 per kapita di luar bandar;
- ii. **Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA Komuniti sebanyak RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak**

- yang hadir ke **TASKA Komuniti** yang diiktiraf oleh **JKM** bagi keluarga yang layak mengikut **pendapatan isi rumah RM5000.00** dan ke bawah di semua kawasan; dan
- iii. **Penjawat awam yang menghantar anak ke TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam juga layak untuk memohon subsidi yuran pengasuhan RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak** mengikut kelayakan **pendapatan isi rumah RM5,000.00** dan ke bawah (Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013);
 - iv. **Ibu bapa yang menghantar anak ke TASKA berdaftar dengan JKM juga layak untuk pelepasan cukai pendapatan sehingga RM3,000.00 setahun** (Sumber: Perenggan 101 Bajet 2022).

Selain itu, kerajaan juga turut prihatin akan beban yang ditanggung oleh pihak pengusaha TASKA khususnya dalam situasi sukar penularan pandemik COVID-19. Justeru kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan berikut:

Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA)

- i. **Program Subsidi Upah** bagi semua majikan yang layak selama 3 bulan dalam tempoh PKP di bawah Bajet PRIHATIN (Tambahan) 2020 pada 6 April 2020. Seterusnya Program ini dilanjutkan lagi 3 bulan dengan **kadar subsidi RM600.00 sebulan bagi setiap pekerja di bawah PENJANA.**
- ii. Pemberian **bantuan khas kepada TASKA** iaitu **RM5,000.00 kepada TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Institusi dan RM1,500.00 kepada TASKA di Rumah.**
- iii. **Bayaran Insentif Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA** maksimum **RM900.00** seorang
- iv. **Peruntukan Geran** bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam sebanyak **RM10 juta pada tahun 2019, RM30 juta pada tahun 2020, RM30 juta pada tahun 2021 dan RM30 juta pada 2022.** Inisiatif ini bukan sahaja memberikan kemudahan kepada ibu bapa yang bekerja khususnya di sektor awam serta dapat mewujudkan peluang ekonomi dalam sektor penjagaan kanak-kanak.

Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)

- i. Pada tahun 2021, Kerajaan telah memperuntukkan Bantuan Khas kepada pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan JKM yang terkesan secara langsung dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Bantuan tersebut bertujuan untuk meringankan beban pengurusan TASKA. **Sebanyak RM3000.00 diberikan kepada TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Komuniti. Manakala RM800.00 diberikan kepada pengusaha TASKA di rumah.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' NELSON A/L
RENGANATHAN**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan pusat penjagaan warga emas berdaftar mengikut negeri di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan penghuni di semua pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. **Sehingga 31 Januari 2022**, terdapat **386 Pusat Jagaan Warga Emas** yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Di samping itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menyediakan kemudahan institusi bagi warga emas iaitu **Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE)**. Terdapat sepuluh **(10) buah RSK di seluruh Malaysia** di mana dua **(2) buah daripadanya sedang dalam pembinaan naik taraf bangunan. Sehingga Januari 2022**, seramai **1,091 warga emas** yang masih boleh menguruskan diri telah ditempatkan di RSK. **Dua (2) buah RE di seluruh Malaysia juga disediakan untuk warga emas daif yang sakit, uzur dan terlantar.** Penghuni RE diberi penjagaan, rawatan dan perlindungan mengikut keperluan mereka. Sehingga Januari 2022, seramai **255 warga emas** yang mendapatkan perkhidmatan di RE.

Kerajaan melalui KPWKM juga turut menerapkan **konsep penjagaan warga emas dengan melibatkan komuniti setempat dengan menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)**. Pusat ini merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sehingga kini, **terdapat 153 buah PAWE** yang telah beroperasi di seluruh Malaysia.

Kementerian melalui JKM akan terus memberikan komitmen dalam memastikan kesejahteraan penghuni di Pusat Jagaan Warga Emas terjamin. Selain itu, semua pengendali pusat jagaan yang masih belum berdaftar dimohon untuk tampil berdaftar dengan JKM bagi memastikan

SOALAN NO. : 70

standard minimum, kebajikan, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan penghuni terjamin.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB SENATOR DATO' DR. AHMAD AZAM
BIN HAMZAH**

TARIKH : **21 MAC 2022 (ISNIN)**

SOALAN

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah penerima program MyKasih Kapital dan berapakah jumlah mereka yang telah berjaya melaksanakan perniagaan atas talian dengan inisiatif dari program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MyKasih Kapital merupakan insentif tambahan kerajaan yang telah diumumkan sempena Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2021 sebagai suntikan modal perniagaan berbentuk keusahawanan khusus kepada golongan wanita yang sedang bergelut dengan masalah kewangan bagi menjana semula ekonomi keluarga dalam mengharungi cabaran pandemik COVID-19 pada masa kini.

Pemberian insentif secara *one-off* dengan modal sebanyak RM500.00 diberikan sebagai usaha permulaan kepada mereka untuk menggalakkan wanita berniaga di samping membantu mereka menjana semula ekonomi keluarga melalui perniagaan menggunakan platform e-dagang atau *dropship* dan lain-lain perniagaan.

Kementerian ini bersama rakan strategik seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), PERKESO, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan MAXIS telah melaksanakan kursus untuk memberi bimbingan melalui **Program Keusahawanan Wanita Bangkit** yang dijalankan melalui platform atas talian dan juga secara fizikal sebagai syarat untuk melayakkan peserta menerima insentif program ini.

Sehingga 10 Mac 2022, sejumlah **9,360 wanita** telah berjaya mengikuti kursus tersebut dan menerima insentif ini. Kesemua peserta ini telah menjalankan perniagaan secara atas talian seperti *dropship* kosmetik, makanan kesihatan, makanan segera, gerai kecil kecikan, bakeri, makanan bermasak, spa kecantikan dan jahitan.

Sejak dilaksanakan, program ini telah mendapat penyertaan yang menggalakkan dan membantu golongan wanita untuk menjana pendapatan ekonomi keluarga.

Sekian, terima kasih.